

R B399 DEB  
MAHATHIR - LATAH

1985

KOTA BAHARU, 28 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA JANGAN MUDAH +MELATAH+ UNTUK +MENYAMBUT+ SERANGAN DAN KECAMAN SEGELINTIR PEMIMPIN PAS YANG BERSIKAP TERLALU EKSTRIM.

+ JIKA KITA KERAP MENYAMBUT SIKAP KETERLALUAN MEREKA, KITA AKAN TERPERANGKAP DAN AKAN HILANG SOKONGAN DARIPADA PENYOKONG YANG SEDERHANA YANG RAMAI JUMLAHNYA+ KATANYA KETIKA BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM DI KEDIAMAN MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMAD YAACOB DI SINI MALAM TADI.

LEBIH 3,000 ORANG ANGGOTA DAN PENYOKONG UMNO DAN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL HADIR DI MAJLIS ITU YANG DIADAKAN SEMPENA LAWATAN DUA HARI PERDANA MENTERI DAN DATUK SERI PADUKA DR.SITI HASMAH KE KELANTAN.

DATUK SERI DR.MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA SEBUAH PARTI PEMBANGKANG BERMINAT UNTUK MENUBUHKAN KERAJAAN DI PANTAI TIMUR KERANA TERDAPAT SEBUAH NEGERI DI SELATAN KELANTAN YANG KAYA DENGAN HASIL MINYAKNYA.

KATANYA, DISEBABKAN TAKSUB DENGAN KEKAYAAN YANG AKAN DIPEROLEHI DARIPADA NEGERI ITU, PARA PEMIMPIN PARTI ITU +TERBUKA MATA+ BERUSAHA UNTUK MEMENANGINYA DENGAN SEDAYA UPAYA. -- LAGI.

1142MST 28 03 85

D673

R 8400 DEB  
MAHATHIR - LATAH 2 KOTA BAHARU

+ MEREKA GUNAKAN AGAMA TETAPI DENGAN MENGENEPIKAN NILAI AGAMA ITU SENDIRI, MEMUTARBELITKAN AGAMA DAN MEMBUAT TAFSIRAN YANG TIDAK BETUL+, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SEBAGAI MANUSIA BIASA PARA PEMIMPIN PARTI ITU MUDAH MEMBUAT KESILAPAN TETAPI KESILAPAN MEREKA TELAH MENJADI IKUTAN PENGIKUT-PENGIKUT YANG TIDAK BERDOSA.

BELIAU MEMINTA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA BERUSAHA MEMBAWA MEREKA YANG TELAH DISESATKAN ITU KE PANGKAL JALAN.

KATANYA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO JANGAN AMBIL PUSING TERHADAP PEMIMPIN-PEMIMPIN PAS, SEBALIKNYA MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA DAN PENGIKUT PARTI ITU KERANA +UMNO SAYANG KEPADA MEREKA +.

PERDANA MENTERI MEMBERI AMARAN BAHAWA PARA PEMIMPIN PAS PADA SUATU HARI NANTI AKAN MENERIMA AKIBAT DARIPADA PERBUATAN MEREKA SENDIRI.

KATANYA, MEREKA HARUS INGAT KEPADA SEJARAH PARTI ITU YANG MENUNJUKKAN BAHAWA PEMIMPIN-PEMIMPINNYA TIDAK TERLEPAS DARIPADA USAHA PENYINGKIRAN OLEH KUMPULAN PEMIMPIN YANG LAIN DALAM PARTI ITU JUGA.

-- LAGI.

1152MST 28 03 85

R 8401 DEB  
MAHATHIR - LATAH 3 KOTA BAHARU

BELIAU BERKATA SEJARAH KEPIMPINAN PAS AKAN BERULANG SELAGI PAS MEMPUNYAI PEMIMPIN YANG RAKUS KUASA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERKATA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO TIDAK HARUS BIMBANG DENGAN APA YANG BERLAKU DALAM PAS KERANA MEREKA YANG NAIK AKAN DITURUNKAN OLEH PIHAK LAIN.-- BERNAMA.

1155MST 28 03 85